

# Kem Waja Diri badan beruniform UnisZA

Oleh Safuan Saidi  
rencana@mediaprima.com.my

Seramai 25 pegawai kehormat majlis badan-badan beruniform siswa Universiti Sultan Zainal Abidin (UnisZA), Terengganu menyertai Kem

Waja Diri Siri Pertama, di Pulau Redang, baru-baru ini.

Program tiga hari anjuran Pusat Pembangunan Holistik Pelajar (PPHP) itu bertujuan mengenali serta merapatkan lagi hubungan anggota badan

beruniform.

Antara aktiviti dijalankan ialah panduan arah, jejak kawasan, snorkeling, masakan ikhtiar hidup, latihan kawad kaki, senaman pagi serta bernalam dengan khemah.

**PEMBENTANGAN kertas kerja sebagai perkongsian maklumat bersama.**



**AKTIVITI senaman pagi untuk menyihatkan badan dan minda.**



**PESERTA tidak mahu melepaskan peluang mengambil gambar kenangan selepas tamat program.**



**MEMPEROLEH pengalaman baru menerusi aktiviti pandu dan jejak kawasan.**

